

Akta Pengambilan Tanah perlu dikaji semula

Oleh **ABDUL HAMID MOHAMAD**
dan **MAHMUD BAHARI**

BALING 30 Mac — Akta Pengambilan Tanah 1960 yang banyak menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat perlu dikaji semula kerana terdapat beberapa kelemahan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sedang mengkaji perkara itu dan akan dibawa ke Parlimen untuk dibahaskan.

Ditanya apakah kelemahan yang dikenal pasti dalam akta tersebut, Dr. Mahathir berkata, ia belum boleh

didedah kepada umum sebelum dibentangkan di Parlimen.

“Kita sedang mengkaji perkara ini, ia belum boleh diberitahu lagi, ia mesti dibahaskan dahulu pada sidang Parlimen akan datang.

“Bagaimanapun sidang Parlimen bulan April ini mungkin tidak sempat, kerana agak suntuk,” katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan guru-guru daerah Baling/Sik di sini petang ini.

Sehingga ini parti-parti pembangkang khususnya Pas dan DAP sering menimbulkan isu tersebut dalam majlis-majlis ceramah dan kempen

mereka bagi menarik sokongan rakyat.

Antara perkara yang dibangkitkan ialah mengenai soal bayaran pampasan terhadap tanah yang diambil serta status tanah pegangan bebas.

Ditanya mengapa tarikh pilihanraya lambat diumumkan, Perdana Menteri berkata, pilihanraya umum tidak perlu diadakan terburu-buru kerana kerajaan mempunyai tempoh selama lima tahun untuk berbuat demikian.

Serentak dengan itu, katanya, pemerhati-pemerhati politik tidak perlu mempersoalkan kenapa kerajaan melengah-lengahkan tarikh pilihanraya umum.